

23/08/2001

Fauzi tidak sangka hanya naib terbabit

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Rabu - Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, terkejut dengan keputusan Lembaga Disiplin Umno berkaitan dakwaannya mengenai politik wang yang mensabitkan kesalahan itu kepada Naibnya, Datuk Faisal Abdullah.

Katanya, berdasarkan tempoh penyiasatan yang lama bermula Mac lalu, beliau menjangka lebih ramai yang terbabit dalam kes berkenaan tetapi sebaliknya berlaku.

Faisal digantung daripada memegang sebarang jawatan parti selama enam tahun berkuat kuasa 26 Mei 2001 hingga 25 Mei 2007.

"Keputusan yang diumumkan itu membuktikan aduan yang saya buat berasas. Saya tidak mahu membuat ulasan sama ada berpuas hati atau sebaliknya, cuma yang dapat saya katakan ialah `dijangka rusa yang masuk perangkap, rupanya pelanduk yang terkena," katanya ketika dihubungi dalam perjalanan ke Kuala Lumpur, petang ini.

Pada 31 Mac lalu, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas sementara bagi menyiasat semua dakwaan Fauzi berhubung politik wang yang didakwa berlaku di bahagian itu.

Sehari sebelum itu, Fauzi menyerahkan surat peletakan jawatannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Dalam surat peletakan jawatan itu, Fauzi, antara lain mendakwa berlaku politik wang dalam bahagian itu, menyebabkan beliau gagal mendapat pencalonan secukupnya untuk mempertahankan jawatan sebagai ketua bahagian.

Sementara itu, Faisal yang juga Setiausaha Kerja Barisan Nasional (BN) Pahang, akur dan menyerahkan kepada Adnan mengenai kedudukannya.

Beliau berkata, surat rayuan berhubung hukuman itu sudah dihantar kepada Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Jumaat lalu.

Katanya, salinan surat itu juga diserahkan kepada Pengerusi Lembaga Disiplin Umno, Tengku Tan Sri Ahmad Rithaudeen, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang.

Beliau turut meminta siasatan semula dilakukan bagi memberi keadilan kepada semua pihak terbabit berikutan sebahagian daripada 29 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya, digugurkan kerana dilakukan calon lain, tetapi tindakan tidak dikenakan terhadap calon terbabit.

"Saya ada bukti, calon lain turut melakukan kesalahan kerana dia menaja rombongan Wanita Umno Bahagian Kuantan ke Phuket selama lima hari empat malam, bermula 18 hingga 22 Ogos lalu, membabitkan kos RM36,800.

"Semua bukti dan dokumen itu saya serahkan kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi pada 26 Mei 2001 tetapi akhirnya, calon itu tidak dikenakan sebarang tindakan dan saya memohon penjelasan apakah yang dilakukan calon itu bukan satu kesalahan," katanya.

Lembaga Disiplin Umno dalam suratnya kepada Faisal pada 10 Ogos lalu, menyatakan Faisal didapati bersalah terhadap 14 daripada 29 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Kesalahan yang dilakukan itu ialah memberi RM300 kepada tiga pemimpin Umno setiap cawangan iaitu Sungai Karang, Galing, Sri Kemunting, Cherating, Alor Batu, Sungai Karang Darat, Cherating Budaya, Bandar Kuantan Timur, Sri Kemunting, Bukit Sekilau.

Selain itu, beliau didapati bersalah membayar yuran keahlian cawangan

Bukit Sekilau serta membiayai dua majlis jamuan makan khusus untuk meraih sokongan.

Dalam pemilihan di bahagian Kuantan April lalu, Faisal yang berkhidmat selama 25 tahun sebagai Setiausaha Kerja Umno Pahang bermula 15 Januari 1971 hingga 15 Januari 1996, mendapat 31 pencalonan, Datuk Wan Adnan Wan Mamat (24 pencalonan) dan Fauzi yang juga penyandang jawatan, hanya mendapat 10 pencalonan.

Faisal berkata, beliau juga meminta satu garis panduan berhubung hukuman terhadap mana-mana ahli yang bersalah.

Ini kerana beliau yang disabitkan dengan 14 kesalahan digantung selama enam tahun, manakala dua ejennya, Mohd Zahar Mohd Sohor @ Mat Nor dan Abas Kassim, masing-masing melakukan satu dan dua kesalahan turut digantung bagi tempoh sama.

(END)